

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Lim Foong meninggal dunia bukan kerana Lim Meng. Lim Meng tak bersalah.” Habis suara Sim Pau menjerit. Dia mahu membela anak perempuannya itu yang selama ini teraniaya oleh ego seorang bapa yang tidak mahu menerima hakikat. Sebelum ini dia sekadar diam. Dia hanya menurut kata-kata Lim Pooi. Sampai bila? Di bukannya mahu menegakkan benang yang basah tetapi mahu menyedarkan Lim Pooi yang terlalu mengikut perasaan. Egonya membabi buta hinggalah Lim Meng terpaksa keluar dari rumah itu. Kalau Lim Meng tak keluar dari rumah itu, Lim Pooi akan membuat laporan polis dan mengatakan bahawa pembunuh Lim Foong ada di rumahnya. Hingga begitu sekali Lim Pooi marah akan Lim Meng.

“Habis kau nak cakap Lim Foong meninggal dunia kerana lemas? Semua orang tahu Lim Foong meninggal dunia kerana menyelamatkan Lim Meng. Jadi, Lim Menglah penyebabnya.” Lim Pooi masih tidak mahu mengalah. Dia tetap dengan pendirian dan keputusan yang telah diambil. Lim Meng yang sepatutnya bertanggungjawab. Dia telah banyak *memberi muka* kepada Lim Meng. Kalau tidak, dia sudah kerjakan Lim Meng itu hingga lumat. Dia tidak teragak-agak untuk menyumbat Lim Meng ke dalam lokap seandainya Lim Meng tidak keluar dari rumahnya itu.

“Kalau dia ada sekarang ini tentu dah besar. Boleh tolong aku jaga kedai.” Lim Pooi meratus sambil tangannya mengusap-usap bingkai gambar yang terpampang gambar Lim Foong.

“Lim Foong meninggal dunia semuanya kerana kau,” sergah Sim Pau.

Dipetik daripada cerpen “Kuih Bakul Limau Mandarin”, antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *memberi muka* membawa maksud

A meyakinkan C memenangkan
B memanjakan D mengagungkan

Mentalis (Aros R)

- 2 Dia hanya menurut kata-kata Lim Pooi

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah

A lancar macam air
B mulia macam raja
C pucat macam mayat
D lurus macam bendul

Mentalis (Aros R)

- 3 Berdasarkan petikan, apakah persoalan yang paling tepat dengan petikan di atas?

A Tegas dalam membuat keputusan.
B Rajin membantu ibu bapa.
C Menyayangi kedua ibu bapa.
D Membuang sikap ego agar sentiasa rasional.

Memahami, Menganalisis (Aros S)

- 4 Menurut Lim Pooi, mengapakah Lim Foong meninggal dunia?

A Dia lemas.
B Dia menyelamatkan Lim Meng.
C Dia jatuh sakit semasa berada di dalam lokap.
D Dia dikerjakan oleh ibunya, Sim Pau hingga lumat.

Memahami, Menganalisis (Aros S)

- 5 Antara berikut yang manakah **benar** tentang petikan?

A Sim Pau lebih menyayangi anak lelakinya.
B Sim Pau berani menentang suaminya.
C Lim Meng penyebab abangnya lemas.
D Lim Pooi tidak memilih kasih.

Menganalisis, Menyusun (Aros T)